



IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

GARIS PANDUAN BERHUBUNG PROSEDUR PELESENAN DI BAWAH AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [Akta 246]

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan susulan daripada penguatkuasaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan 2017) berkuatkuasa mulai 1 Februari 2018.

2.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua agensi berhubung keperluan mengemukakan permohonan lesen mengikut kategori lesen dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta 246.

3.0 PROSEDUR

A. PERMOHONAN LESEN AGENSI

Syarat-syarat permohonan yang ditetapkan dalam seksyen 9 Akta 246 adalah seperti berikut:

(a) Pemohon-

- i. sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.

- ii. Memiliki modal berbayar minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
- iii. Sekurang-kurangnya 51% daripada jumlah keseluruhan syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia.
- iv. Mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 9(1)(c) Akta 246:
 - Mudah dihubungi oleh pengangkutan awam dan berada di tempat awam.
 - Tidak berhampiran dengan premis yang menjalankan aktiviti yang menjurus kepada kegiatan tidak bermoral.
 - papan tanda agensi yang mengandungi nama dan nombor lesen hendaklah dipamerkan di setiap premis agensi supaya mudah dilihat oleh orang awam.
 - Bangunan yang berstatus perniagaan atau rumah kedai sahaja.
 - Bukan rumah kediaman melainkan statusnya telah ditukar kepada bangunan untuk kegunaan perniagaan atau komersial, SOHO (*Small Office Home Office*)/ SOVO (*Small Office Virtual Office*).
 - berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jika premis agensi beroperasi di *Small Office Home Office* (SOHO) atau *Small Office Visual Office* (SOVO), agensi hendaklah mengemukakan salinan perjanjian sewa lot atas nama agensi tersebut.
- v. Mendaftar dengan SSM atas nama syarikat yang didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan" dan menyatakan aktiviti syarikat sebagai aktiviti merekrut iaitu "*to carry on the business as Private Employment Agency to recruit and place worker/s to another employer*" sahaja.
- vi. Mengemukakan penyata bank yang terkini.

- (b) Pengarah syarikat, yang bertanggungjawab ke atas urusan agensi-
 - (i) seorang warganegara Malaysia.
 - (ii) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan.
 - (iii) telah membuat akuan bersumpah bahawa tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa.
- (c) Permohonan bagi mana-mana daripada tiga kategori lesen agensi hendaklah menggunakan borang dan membayar fi proses sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Borang dan Fi proses mengikut jenis permohonan

Bil	Jenis permohonan	Jenis borang	Jumlah fi proses
1	Permohonan lesen	Borang 1	RM300
2	Pembaharuan lesen	Borang 2	RM100
3	Penubuhan lesen cawangan	Borang 3	RM100
4	Permohonan menukar kategori lesen	Borang 4	RM100
5	Penggantian lesen yang hilang, musnah atau rosak	Borang 5	RM100

- (d) Apabila lesen diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah sekyen 9A, agensi hendaklah membayar fi lesen RM500 dan mendeposit wang jaminan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Walau apa pun, Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan perlu.

B. PERMOHONAN UNTUK MEMBAHARUI LESEN

Agensi yang hendak membaharui lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat di bawah seksyen 11 Akta 246 seperti berikut:

- (a) mengemukakan Borang 2 beserta dokumen-dokumen berkaitan kepada Ketua Pengarah sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tamat tempoh lesen.
- (b) membayar fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengikut bentuk dan cara beserta dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Ketua Pengarah boleh, membaharui atau menolak untuk membaharui lesen itu selepas memberi pertimbangan kepada permohonan memperbaharui lesen dan mengambilkira mata merit/demerit sepetimana berikut:

Laporan Berkaitan Penempatan Pekerjaan

Bil	Perkara	Mata merit/demerit	Jumlah mata
1	Penempatan Pekerjaan Tahunan	40 mata	40
2	Kehadiran kursus/bengkel anjuran JTK	20 mata setiap kali kursus	20
Jumlah keseluruhan mata merit/demerit			60

C. PERMOHONAN PENUBUHAN CAWANGAN

Agensi induk yang ingin memohon penubuhan cawangan hendaklah mematuhi syarat-syarat dalam seksyen 13E Akta 246 seperti berikut:

- (a) Agensi cawangan mempunyai aktiviti yang sama atau kurang daripada kategori lesen agensi induk. Contoh: Agensi induk yang memiliki kategori lesen A, tidak boleh memohon penubuhan cawangan lesen B atau C manakala agensi induk yang memiliki kategori lesen C boleh memohon penubuhan cawangan bagi semua kategori lesen.
- (b) mendeposit wang jaminan untuk setiap cawangan mengikut jumlah yang ditetapkan seperti Jadual 2.
- (c) Menyertakan Laporan Tahunan Kewangan terkini sepanjang tempoh beroperasi.
- (d) menyatakan alamat cawangan baru di dalam dokumen SSM.

Jadual 2

Jumlah modal berbayar dan wang jaminan mengikut kategori lesen

Kategori Lesen	Modal Berbayar	Wang Jaminan (RM)	Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru (RM)
Lesen A- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	RM50,000	RM5,000	RM5,000
Lesen B- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	RM100,000	RM100,000	RM30,000

Lesen C- Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia	RM250,000	RM250,000	RM100,000
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------	-----------	-----------

4.0 DEPOSIT WANG JAMINAN

4.1 Wang jaminan perlu dideposit secara tunai dalam bentuk bank deraf atau jaminan kewangan (*bank guarantee*) setelah menerima notis secara bertulis daripada Ketua Pengarah sebelum suatu lesen dikeluarkan kepada agensi:

- (a) atas nama Ketua Pengarah Tenaga Kerja
- (b) mempunyai tempoh sah laku melebihi setahun dari tempoh sah lesen.

4.2 Penggunaan Wang Jaminan

Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran yang memerlukan penggunaan wang jaminan bagi tujuan menyelamatkan mangsa, wang jaminan yang didepositkan oleh agensi boleh digunakan selepas menerima notis secara bertulis daripada Ketua Pengarah.

4.3 Pemulangan Wang Jaminan

Agensi yang telah menamatkan operasi, dibatalkan lesen atau lesenya telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui boleh membuat permohonan bertulis kepada Ketua Pengarah bagi pemulangan wang jaminan dengan menggunakan Borang 7.

4.4 Pelucuthakkan Wang Jaminan

Wang jaminan bagi agensi yang telah menamatkan operasi, dibatalkan lesen atau lesennya telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui tetapi tidak dituntut dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penamatan operasi atau habis tempoh lesen akan dilucuthakkan selepas habis 3 bulan dari tarikh Warta.

4.5 Memastikan jumlah wang jaminan mencukupi pada setiap masa

Mana-mana wang jaminan yang telah digunakan dengan kelulusan Ketua Pengarah hendaklah digantikan semula dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

5.0 Dokumen pengenalan diri bagi pekerja agensi yang dilantik untuk menjalankan aktiviti merekrut

- i. Agensi hendaklah membuat permohonan dokumen dan penggantian dokumen pengenalan diri bagi pekerjanya yang menjalankan aktiviti merekrut seperti di Jadual 5. Pekerja bagi maksud menjalankan aktiviti merekrut termasuklah Pengarah, Pengurus dan Pegawai Khidmat Pekerjaan.
- ii. Semasa permohonan dokumen pengenalan diri dibuat, pemohon perlu mengemukakan salinan kontrakperkhidmatannya sebagai bukti bekerja dengan majikan.
- iii. Dokumen pengenalan diri hendaklah sentiasa dipakai oleh orang yang menjalankan aktiviti merekrut sepanjang masa menjalankan aktiviti perekrutan dan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh Pegawai JTK.
- iv. Dokumen pengenalan diri itu hendaklah dikembalikan kepada JTK sekiranya orang yang menjalankan aktiviti merekrut tersebut tidak lagi menjalankan aktiviti perekrutan.

- v. Kehilangan dokumen pengenalan diri hendaklah dilaporkan kepada Ketua Pengarah dan permohonan baharu hendaklah dibuat menggunakan Borang 6 seperti di Jadual 3.

Jadual 3

Borang Berkaitan Dokumen Pengenalan Diri

Bil	Jenis permohonan	Jenis borang	Seksyen
1	Dokumen pengenalan diri	Borang 6	Seksyen 13D(1)
2	Penggantian dokument pengenalan diri		Seksyen 13D(6)

6.0 AKTIVITI YANG DIBENARKAN DAN AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN MENGIKUT KATEGORI

Kategori Lesen A

AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pekerja tempatan sahaja • Mengadakan sesi latihan/penyesuaian kerja bagi pekerja tidak melebihi tiga hari. • Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing). • Menempatkan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara. • Menempatkan pekerja tempatan ke tempat dan jenis pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara. • Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja. • Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain. • Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Kategori Lesen B

AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan aktiviti merekrutan bagi pekerja tempatan dan pekerja domestik asing sahaja • Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan penempatan pekerja domestik asing (termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti KDN,JTK,JIM dan lain-lain) • Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan di luar negara. • Mengadakan sesi latihan/penyesaian kerja bagi pekerja tidak melebihi tiga hari. • Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing). • Merekрут dan membuat penempatan bagi pekerja bukan warganegara. • Menempatkan pekerja domestik asing selain daripada sektor yang dibenarkan. • Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara dan negara penerima. • Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja. • Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain. • Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Kategori Lesen C

AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN
<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan aktiviti merekrut bagi pekerja tempatan, pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara mengikut undang-undang, dasar dan prosedur yang ditetapkan. • Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan penempatan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara (termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti KDN, JTK, JIM dan lain-lain) • Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan di luar negara. • Mengadakan sesi latihan/penyesuaian kerja bagi pekerja tidak melebihi tiga hari. • Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing). • Menempatkan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara selain daripada sektor yang dibenarkan. • Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara dan negara penerima. • Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja. • Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain • Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

7.0 PENALTI AM

Semua agensi yang melaksanakan aktiviti merekrut hendaklah memiliki lesen dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Agensi yang beroperasi tanpa lesen yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 7 Akta 246 dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3,,m,m tahun atau kedua-duanya.

Disediakan oleh:

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
15 Januari 2018